

Pemimpin Gereja cari cara baharu kendali pembinaan perkahwinan

HOUSTON: Sebuah ikon lukisan Sta Anna dan Sto Joakim menemani hampir 100 pemimpin kursus atau pembinaan perkahwinan semasa konferensi pada Jun 26-28, di mana mereka meneroka cara-cara baharu, iaitu dengan melihat model katekumen sebagai panduan utama dalam membentuk lelaki dan wanita mendalami panggilan perkahwinan mereka.

Ikon gaya Timur itu menggambarkan ibu bapa Sta. Perawan Maria memegang salib sambil berdiri di padang rumput hijau berlatarkan pergunungan.

Sama seperti bagaimana ibu bapa Maria yang mempersembahkannya kepada Tuhan, para pemimpin awam dan paderi yang terlibat dalam pelayanan pembinaan pra-perkahwinan dan hidup keluarga, harus bersungguh-sungguh memusatkan perhatian mereka bagaimana menghadirkan lelaki dan wanita untuk setia kepada Tuhan dan Gereja melalui Sakramen Perkahwinan.

Melalui perbincangan kumpulan kecil serta sesi-sesi perbincangan pleno, para pemimpin katekesis dan pembinaan perkahwinan dari sekitar 40 keuskupan di Amerika Syarikat dan Kanada, mempertimbangkan cara untuk mengejar model katekumen demi pembentukan perkahwinan yang disokong oleh Vatikan – sebuah model yang mirip dengan pembaptisan iaitu perjalanan katekumen untuk bergabung dengan Gereja Katolik.

Perbincangan itu menumpukan bagaimana memperbaharui proses pembinaan perkahwinan berdasarkan model baru yang diusulkan dalam dokumen “*Catechumenal Pathways for Married Life*” yang diterbitkan oleh Dikasteri Awam, Keluarga dan Kehidupan Vatikan.

Pengantin sebagai Pelayan Sakramen Perkahwinan

Christy Wright, direktur kehidupan keluarga di Paroki Kristus Penebus di Houston, mengatakan konferensi tersebut banyak mencerminkan pengalaman beliau sebagai pemimpin katekesis dan pembinaan perkahwinan di Keuskupan Agung Galveston-Houston.

Beliau melihat kesejajaran dalam seruan Sri Paus Fransiskus untuk menemani mereka yang terpinggir dan berjalan bersama dengan lelaki dan wanita menuju perkahwinan Katolik.

Christy menyadari bahawa bagi kebanyakan pasangan, perkahwinan Katolik seringkali dianggap sebagai senarai semak (*check list*) daftar pasangan yang tak ada habisnya atau permintaan calon mertua.

Katanya, model katekumen dapat membawa pasangan ke dalam kehidupan Gereja, terutama sebelum dan sesudah perkahwinan

“Pasangan sering tidak menyadari bahawa (dalam te-



Sri Paus Fransiskus memberkati pengantin baharu yang menghadiri audiensi Bapa Suci bersama umat awam tidak lama dulu.

ologi Gereja Latin) pengantin adalah benar-benar pelayan Sakramen Perkahwinan, paderi atau diakon hanyalah saksi dari perjanjian perkahwinan pasangan tersebut.”

Keluarga agen penangkis arus anti-Kristian

Dalam homilinya pada Misa pembukaan pertemuan pada Jun 26, Kardinal Daniel N. DiNardo dari Galveston-Houston, mengiktiraf hadirin sebagai orang-orang yang “berdedikasi untuk perkahwinan dan kehidupan keluarga.”

“Ada sesuatu yang sangat membawa risiko iaitu arus anti-Kristian tumbuh meluas dalam budaya masa kini.”

Selain itu, Kardinal Daniel mengingatkan para peserta bahawa perkahwinan Katolik, selain daripada mempromosi kehidupan keluarga, juga dapat menjadi perjumpaan bagi orang yang belum dibaptis untuk mengenal Yesus.

Kardinal Daniel memetik pesan Sri Paus Fransiskus dalam seruan apostoliknya “*Amoris Laetitia*” tentang “memungkinkan keluarga memainkan peranan mereka sebagai agen aktif kerasulan keluarga.”

Demikian pula, kata kardinal, “kita amat memerlukan agen aktif persiapan pra-perkahwinan. Salah satu tugas kita yang indah adalah menarik pasangan muda dan orang yang datang ke sakramen perkahwinan untuk menyadari bahawa mereka, bukan para penceramah, adalah pelaku atau agen dalam pembentukan tersebut,” kata Kardinal DiNardo.

Menyampaikan renungan berdasarkan Injil Yohanes, di

mana dua murid melihat Yesus setelah dibaptis oleh Yohanes, Kardinal Daniel mengingatkan pesan Yesus untuk “mari dan lihatlah”.

Jika para pemimpin pembinaan perkahwinan, serta umat Katolik menjadi agen cinta, kita dapat menemukan di mana Yesus tinggal bersama Bapa-Nya dan bagaimana “Dia ingin komuniti itu menjadi milik kita,” kata Kardinal DiNardo.

Panggilan perkahwinan dengan model katekumen

Gabriella Gambino, wakil dari Dikasteri Awam, Keluarga dan Kehidupan di Vatikan melalui pesan videonya menekankan tiga poin: “panggilan perkahwinan dengan model katekumen adalah panggilan rahmat, bukan hanya sebagai peristiwa; “keterikatan” dengan keluarga sebagai pusat dari semua karya pastoral seperti usaha sinode; dan “*discernment*”, yang membantu pasangan memahami akan panggilan Sakramen Perkahwinan serta bijak “membaca tanda-tanda Tuhan”.

Hal ini ditekankan lagi oleh Julia Dezelski, penolong direktur perkahwinan dan pelayanan kehidupan keluarga untuk Konferensi para Uskup AS bahawa “cara unik untuk menginspirasi dan sebagai penyahut keinginan yang diungkapkan dari Sto Yohanes Paulus II dan Sri Paus Fransiskus ialah menetapkan proses katekumen untuk digunakan dalam persiapan perkahwinan.” — James Ramos, OSV News

Kerasulan kita berdasarkan Yesus atau Kristus?

Selama bertahun-tahun, bagi saya, Kristus hanyalah nama akhir Yesus: Jack Smith, Susan Parker, Yesus Kristus. Secara intelek, saya lebih tahu; tetapi secara praktikal, baik dalam kepercayaan peribadi saya dan sebagai ahli teologi, saya berfungsi seolah-olah Kristus hanyalah nama keluarga Yesus.

Sama ada dalam doa, menulis, atau berkhutbah, saya selalu menggunakan kedua-dua nama ini, — *Yesus Kristus*, seolah-olah setiap satu nama itu ada identiti tersendiri yang sempurna.

Sebenarnya ia lebih dari sekadar identiti hebat. Yesus adalah orang ilahi di dalam Tritunggal, seseorang yang pernah berjalan di bumi ini sebagai individu yang berdarah dan berdaging seperti kita dan yang kini bersama Bapa sebagai sebahagian daripada Yang Berkuasa.

Dan walaupun Dia juga merupakan komponen utama dalam realiti Kristus, Kristus lebih daripada Yesus.

Kristus adalah misteri, termasuklah kita, pengikut Yesus di bumi, sakramen-sakramen, Firman (Kitab Suci), dan Gereja.

Kitab Suci adalah jelas: Kita adalah Tubuh Kristus di bumi. Kita tidak mewakili Kristus, menggantikan Kristus, atau menggantikan kehadiran mistik

Kristus. *Kita adalah Tubuh Kristus*, begitu juga Ekaristi dan Firman (kitab Kristian). Perbezaan itu mempunyai implikasi besar sama ada untuk iman peribadi kita dan bagaimana kita menghidupi iman kita di gereja.


Untuk mengenal Yesus dan Kristus dengan tidak sungguh-sungguh, boleh melemahkan kerasulan kita, tanpa mengira nama *Yesus* atau *Kristus* yang selalu kita gunakan dalam kehidupan rohani kita.

Biar saya mulakan dengan gambaran ini: Dalam kehidupan iman saya, saya lebih mudah dan wujud berkaitan dengan Kristus daripada Yesus.

Maksudnya ialah saya mempunyai kepercayaan dan komitmen sepanjang hayat terhadap realiti kebangkitan, ajaran Yesus, Gereja, sakramen, dan kitab suci Kristian.

Tetapi, tidak seperti kebanyakan orang-orang mistik dan orang kudus yang penuh iman yang saya baca, dan tidak seperti rakan-rakan Evangelikal dan rakan sekerja, saya bergelut untuk merasai Yesus adalah sahabat dan kekasih saya di dunia sebenar.

Saya tahu bahawa Yesus adalah nyata dan mahukan keintiman yang mendalam dengan setiap kita; tetapi kebenarannya, saya



sendiri masih dan selalu bergelut untuk benar-benar merasakan kehadiran-Nya serta menjadikan kerasulan sebagai pusat hidup saya.

Komitmen kepada Ekaristi, ajaran-ajaran Yesus dan Gereja, doa-doa yang indah memberikan saya kekuatan, sokongan dan kasih sayang, mengekalkan iman dan menghidupi kehidupan saya sebagai pengikut Kristus.

Oleh itu, saya lebih berkaitan dengan Kristus daripada Yesus.

Dan, izinkan saya menambah: Saya percaya ini juga berlaku di pelbagai gereja Kristian. Kita mempunyai gereja-gereja yang lebih berkaitan dengan Kristus dan gereja-gereja yang lebih berkaitan dengan Yesus (tetapi tidak mengabaikan kedua-duanya).

Sebagai contoh, gereja saya sendiri, Roman Katolik, adalah sebuah gereja yang sangat berpusatkan Kristus.

Komuniti eklesial, Ekaristi, sakramen, dan ajaran Yesus adalah kunci utama.

Tidak ada penganut Roman Katolik sejati yang boleh mengatakan bahawa semua yang saya perlukan adalah hubungan peribadi dengan Yesus.

Itu juga berlaku kepada kebanyakan penganut Anglikan, Episkolian dan gerakan utama Protestan.

Bagi keluarga Gereja Evangelikal, di mana mandat penting dalam Injil Yohanes untuk mempunyai hubungan intim dengan Yesus adalah lebih mudah dengan menjadikan rukun utama di kalangan rasul-rasul Kristian.

Bukannya gereja-gereja yang berbeza tidak memasukkan dimensi lain.

Sebagai contoh, ajaran Roman Katolik, Anglikan dan gerakan utama Protestananisme utama menekankan doa peribadi sebagai cara untuk mengaitkan orang Yesus sebagai kawan dan kekasih intim.

Untuk ini, kekayaan rohani Roman Katolik ialah tradisi doa devosi yang sangat meriah (kadang-kadang terlalu kaya).

Manakala, Evangelikal menumpukan kepada Yesus, menggunakan pelayanan Sabda untuk komuniti dan pewartaan sebagai cara utama mereka untuk mengaitkan misteri Kristus yang lebih luas.

Kita mempunyai sesuatu untuk belajar daripada satu sama lain. Gereja-gereja, sama seperti individu, mestilah tentang kedua-duanya, *Yesus* dan *Kristus*, iaitu, memberi tumpuan kepada hubungan peribadi dengan Yesus dan penyertaan dalam misteri inkarnasi bersejarah Kristus, di mana setiap daripada kita adalah sebahagian misteri itu.

Tidak ada orang Kristian yang boleh mengatakan, kerasulan saya hanyalah merangkumi hubungan peribadi dengan Yesus, juga tidak ada orang Kristian yang boleh mengatakan, Saya tidak memerlukan Yesus, saya hanya memerlukan gereja dan sakramen. Kita adalah pengikut Yesus Kristus, secara peribadi dan misteri.

Kita komited kepada satu set ajaran, satu set kitab suci, Ekaristi dan kepada persekutuan komuniti yang kita panggil gereja—serta kepada orang bernama Yesus, yang merupakan jantung misteri yang hebat dan yang ingin menjadi sahabat dan kekasih kita. — **Hakcipta Terpelihara 1999-2023 @ Fr Ron Rolheiser**

Dunia dan Gereja tempat setiap kita menambah iman

Kedatangan Kerajaan Tuhan, yang diwartakan dan didirikan Yesus, berkali-kali disampaikan oleh Yesus melalui pelbagai kisah perumpamaan.

Dalam Injil Matius (13:24-43) hari ini Yesus menggambarkan keadaan Gereja sebagai Kerajaan Tuhan di dunia ini dengan tiga perumpamaan.

Perumpamaan tentang biji sesawi, yang tumbuh menjadi pohon menggambarkan perkembangan Kerajaan Tuhan di dunia.

Dan perumpamaan tentang tepung yang dicampur dengan adunan ragi juga melukiskan perkembangan Gereja, namun lebih menunjukkan kualitinya, dan bukan perluasan atau kuantitinya.

Daya perubahan atau transformasi Injil terletak di dalam dayanya sebagai adunan, yang dapat mengubah tepung menjadi roti. Kedua perumpamaan itu lebih mudah difahami, tetapi perumpamaan ketiga tentang gandum dan lalang memerlukan renungan yang lebih mendalam.

Pada kesempatan ini kita berusaha memahami makna perumpamaan tentang lalang di antara gandum.

Sto Agustinus berkata, bahawa ladang yang disebut dalam

perumpamaan adalah dunia, dan Gereja.

Di situlah hidup orang-orang baik dan suci, dan sekaligus di mana orang-orang jahat dan pendosa juga hidup. Maka dunia mahupun Gereja merupakan tempat di mana setiap orang dapat berkembang serta bertobat dan menjadi suci.

Dengan demikian, dengan adanya orang-orang yang baik, orang-orang berdosa dapat tergerak hati untuk bertobat.

Juga, dalam menghadapi karenah orang-orang berdosa, orang-orang yang baik dapat berlatih menjadi tabah dan sabar. Demikianlah pandangan Sto Agustinus.

Suatu perumpamaan memang dapat difahami dengan beberapa tafsiran, yang tidak bertentangan tetapi saling melengkapi.

Ada tafsiran yang berpendapat bahawa apa yang ingin diungkapkan dalam perumpamaan itu bukanlah hal biji-biji dan lalang-lalang, melainkan kesabaran Tuhan. Inilah yang diungkapkan dalam Bacaan Pertama (Keb.12:13-19).

Tuhan sungguh adil, murah hati dan berbelaskasih, dan mahu menyelamatkan umat-Nya, asal mereka mahu bertobat.

Situasi pada masa ini memperlihatkan atau banyak kali kita mengalami, begitu banyak kejahatan dan ketidakadilan berkuasa sedangkan kebaikan dan keadilan dikalahkan. Nah, menghadapi situasi semacam itulah Yesus menegaskan, bahawa pada saat menuai, iaitu dalam pengadilan terakhir, akan terjadi dan dialami pelaksanaan pengadilan Tuhan yang definitif.

Dengan demikian, selama kita masih hidup, kita harus menyedari bahawa kita hidup di dunia bagaikan ladang, di mana gandum memang tumbuh namun di antara lalang-lalang.

Namun kita tidak boleh bersikap pasif dalam menghadapi situasi nyata itu. Kita harus selalu memperjuangkan keadilan, menyingkirkan ketidakadilan dan kekerasan dengan segala sarana yang diperbolehkan.

Dalam usaha yang mengandaikan kehendak dan tekad yang baik ini, iman kita merupakan suatu bantuan yang sangat kuat dan berharga. Iman itulah yang meyakinkan kita, bahawa dalam perjuangan hidup kita kemenangan akhir kita bukanlah ketidakadilan atau keangkuhan, melainkan kemurnian atau kesungguhan hati kita.

HARI MINGGU BIASA KE-16 TAHUN A

**KEBIJAKSANAAN 12:13,16-19;
ROMA 8:26-27;
INJIL MATIUS 13:24-43**

Memang bagi orang moden sungguh sukar menerima pengertian tentang pengadilan terakhir Tuhan untuk dunia kita ini di dalam sejarah perjalanannya.

Tetapi dengan bersikap demikian, ia sebenarnya membantah dirinya sendiri, sebab ia sendiri sebenarnya tidak setuju dan menentang pandangan, bahawa dalam kenyataan ketidakadilan berulang kali justeru dibenarkan.

Sepanjang sejarah hidup umat manusia di dunia ini, kita menyesuaikan diri dengan pelbagai iklim keadaan masyarakat yang ada, dan berusaha memperkuat dan melindungi diri kita.

Namun kita tidak akan mahu menyetujui dan membiasakan diri dengan satu hal iaitu ketidakadilan.

Kita tidak akan menyetujui ketidakadilan! Keinginan atau kehausan kita akan keadilan hanya akan dapat dipenuhi den-

gan pengadilan!

Dan segala pengadilan apa pun akhirnya masih akan ditentukan menurut keadilan oleh Tuhan. Betapa penting untuk kita ketahui dan menyedari hal ini selalu.

Pada akhir keterangan-Nya tentang ketiga-tiga perumpamaan itu Yesus berkata, "*Anak Manusia akan menyuruh malaikat-malaikat-Nya dan mereka mengumpulkan segala sesuatu yang menyesatkan dan semua orang yang melakukan kejahatan dari dalam Kerajaan-Nya.*"

Semua akan dicampakkan ke dalam dapur api. Di sana akan terdapat ratapan dan kertak gigi. Pada waktu itulah orang benar akan bercahaya seperti matahari dalam Kerajaan Bapa mereka. Siapa bertelinga, hendaklah ia mendengarkan" (Mat 13:41-43). — **Msgr FX. Hadisumarta O.Carm, Iman Katolik**

Caritas MJD anjur bazar ambil apa sahaja dan beri

JOHOR BAHRU: Komisi Pembangunan Insan (Caritas MJDOHD) mengadakan Bazar Kebajikan atau Bazar Sumbangan Kasih selama tiga jam pada Jun 17 lalu.

Ia diadakan di ruang kosong Blok C, Flat Hijau di Taman Plentong Utama, Masai, yang memberi peluang kepada penghuni di situ untuk 'membeli' dan turut menyumbang barangan kepunyaan mereka.

Walaupun ia mungkin kelihatan seperti kedai jimat cermat, bazar itu bukan sahaja menjual barangan *pre-loved* tetapi penganjur juga memperpromosi kesedaran ekologi.

Dengan slogan "Ambil apa yang anda perlukan", "Berikan apa yang anda mampu", "Beri peluang kepada orang lain", Komisi ini menyelitkan program kesedaran alam sekitar.

Oleh itu, semasa bazar, terdapat meja yang menunjukkan proses membuat eko-enzim menggunakan sisa makanan dan air.

Ketua Tim Komisi Keadilan Alam Ciptaan Keuskupan Melaka-Johor (CJC), Dr Maria

Lee menyatakan kesedaran alam sekitar perlu diadakan semasa bazar tersebut.

Bumi adalah rumah kita bersama. Kita mesti menilai semula gaya hidup kita agar lebih mesra dan memulihara alam. Budaya buang kita telah meningkatkan lagi sisa makanan yang semakin menimbun. Marilah amalkan pertobatan ekologi seperti yang diseru oleh Sri Paus Fransiskus dalam ensiklik *Laudato Si*," kata Dr Maria.

"Tugas CJC adalah untuk menggalakkan semua orang hidup dengan cara yang lebih mampan untuk memperlahankan kemerosotan alam sekitar dan kekurangan sumber semula jadi.

"Sebahagian besar barangan di bazar itu juga datang dari Katedral Hati Suci, Johor Bharu menerusi program Aktiviti Pemulihan Sumber bulanan. Program ini membolehkan barangan *pre-loved* dimiliki oleh orang lain.

"Kebanyakan barangan yang disumbangkan adalah masih baharu atau tidak pernah



Fr Martinian Lee dan tim Caritas semasa Bazar Kebajikan, Jun 17.

digunakan lagi.

Mengenai bagaimana teretusnya idea Bazar Kebajikan tersebut, Pengarah Eksekutif Caritas MJDOHD, Andrew Leo menjelaskan, "Kami telah melihat banyak kedai berjimat cermat yang ditubuhkan di gereja atau di tempat-tempat lain di mana pelanggan perlu membuat perjalanan ke situ. Jadi, kami berfikir, kenapa tidak diadakan di kawasan komuniti?"

Tambahnya, "Kami bekerjasama dengan pelayanan-pelayanan yang terlibat dalam kebajikan.

"Kami mengikut teladan kebajikan Caritas Filipina yang membina beberapa stesen bantuan semasa Covid-19, di mana orang ramai boleh menderma makanan dan yang memerlukan boleh mendapat makanan percuma dari stesen-stesen bantuan di pelbagai tempat.

Perhimpunan dan Retreat Majlis Pastoral Paroki St Stephen 2023

BAU: Pesan Injil kepada pelayan-pelayan Tuhan dan Tatacara pelayanan merupakan antara pengisian Perhimpunan Dan Retret untuk anggota Majlis Pastoral (MPP) Paroki St Stephen Bau baru-baru ini.

Seramai 64 ahli MPP St Stephen dan tiga orang paderi menyertai perhimpunan tersebut di Pusat Latihan SALCRA Bajo, Lundu.

Tujuan aktiviti ini dijalankan adalah untuk mengeratkan lagi tali persaudaraan di antara ahli-ahli MPP serta memantapkan lagi daya kepimpinan mereka.

Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang program tersebut adalah perayaan Misa Kudus, majlis persaudaraan, dan Dr Jeffrey Goh yang menyampaikan dua sesi katekesis.



Ahli-ahli MPP St Stephen Bau, berasa lebih bersemangat melayani selepas menghadiri perhimpunan dan retret baru-baru ini.

Dalam sesinya, Dr Jeffrey mengingatkan ahli-ahli MPP bahawa mereka menerima tugas kerasulan berkat Pembaptisan dan Penguatan; oleh itu mereka mempunyai ke-

wajiban untuk membawa diri sendiri, keluarga dan semua umat untuk mengenal dan menerima Khabar Gembira ilahi.

Selepas perhimpunan dan retret tersebut,

para ahli MPP pulang dengan lebih bersemangat untuk membawa terang Kristus di dalam keluarga dan Gereja. — *Today's Catholic*

Tanya Jawab



Adakah anda mempunyai persoalan agama, Kitab Suci atau ajaran Gereja?

Hantarkan soalan anda ke:

HERALD
5, Jalan Robertson,
50150 Kuala Lumpur

Tel: 03-2026 8291

Email:
liza@herald.com.my

Makna terdalam *anmnensis*

Soalan: Saya agak bingung, mengapa dalam salah satu *anamnesis* yang baru tidak ada disebut soal kebangkitan sebaliknya soal "wafatMu kami wartakan..."

Bukankah inti iman kita adalah kebangkitan Kristus?

Jawaban: SALAH satu bahagian dalam Ekaristi yang penting dan hendak mengungkapkan dasar mengapa umat Katolik merayakan Ekaristi adalah *Anamnesis*.

Anamnesis berasal dari bahasa Yunani "ἀνάμνησις" yang bereti peringatan atau kenangan.

Namun, peringatan atau kenangan yang dimaksud dalam kata "*anamnesis*" bukan sekadar kenangan di masa lalu tetapi *anamnesis* merupakan kenangan yang terjadi pula pada saat kenangan itu dihadirkan kembali.

Oleh sebab itu, *anamnesis* sebenarnya ungkapan iman yang hendak menegaskan bahawa "Gereja mengenangkan sengsara, kebangkitan, dan kedatangan kembali Yesus Kristus dalam kemuliaan" (KGK 1354).

Atau dengan kata lain, *anamnesis* adalah bentuk ungkapan iman yang membawa kembali apa yang dimandatkan oleh Tuhan Yesus kepada para rasul untuk merayakan selalu peristiwa pada saat Tuhan Yesus memberikan "Tubuh dan Darah-Nya" pada saat Dia mengatakan: "per-

buatlah ini menjadi peringatan akan Aku" (Luk. 22:19).

Berkaitan dengan pertanyaan mengapa dalam *anamnesis* yang baru tidak ada kata kebangkitan, perlu terlebih dahulu juga memahami bahawa Tata Perayaan Ekaristi (TPE) terkini, bukanlah "baru".

Sebaliknya, TPE terkini diterjemahkan lebih dekat atau mendalam agar orang Katolik tempatan semakin merasakan kesatuan dengan Gereja Universal.

Kata-kata asli ini sebenarnya dari Bahasa Latin: *Quotiescumque manducamus panem hunc et calicem bibimus, mortem tuam annuntiamus, Domine, donec venias* (Setiap kali kami makan roti ini, dan minum dari piala ini, wafat-Mu Tuhan, kami wartakan hingga Engkau datang).

Dengan demikian, terjemahan baru bukan menghapus atau menghilangkan kata "kebangkitan" yang dalam terjemahan lalu tercantumkan semua kata "kebangkitan" pada seruan *anamnesis*.

Malahan jikalau ditelusuri kata-kata *anamnesis* tersebut diambil dari teks Surat Santo Paulus kepada Jemaat di Korintus: "Sebab setiap kali kamu makan roti ini dan minum cawan ini, kamu memberitakan kematian Tuhan sampai Ia datang".

Mungkin, kita juga tertanya-tanya, "Apakah ada yang salah jikalau salah satu dari *anamnesis*

dari Doa Syukur Agung ada yang tidak mencantumkan kata 'kebangkitan'? Bukankah itu menyebabkan kita kehilangan inti iman kita?"

Tentu, *anamnesis* boleh salah jikalau seorang memahaminya hanya sepotong saja atau hanya mengambil sebahagian dari seluruh teks *anamnesis*, seperti cara anda dengan hanya melihat tidak adanya kata "kebangkitan".

Faktanya, *anamnesis* tersebut selalu mengungkapkan keseluruhan iman kita, meskipun kata "kebangkitan" tidak dinyatakan secara eksplisit.

Hal tersebut dapat difahami kerana dalam Bahasa Latinnya ada kata-kata "*donec venias*" (sampai Engkau datang). Kata-kata *donec venias* ini tidak akan muncul jikalau kata "kebangkitan" tidak ada dalam pemahaman *anamnesis* itu sebagai ungkapan iman Katolik.

Selain itu, kata kebangkitan tidak perlu diungkapkan secara eksplisit kerana ungkapan yang indah tidak harus dinyatakan secara penuh.

Lagi pula, mereka yang menyatakan *Anamnesis* ini adalah orang yang beriman dan tahu bahawa "Kristus telah bangkit" kerana seruan *anamensis* dengan diawali "*Mysterium fidei*" (Marilah menyatakan iman kita) telah mengungkapkan keyakinan iman Katolik bahawa: "Yesus telah wafat, Yesus telah bangkit, dan Yesus akan kembali". — *Fr Yohanes Benny Suwito Pr, hidupkatolik*

Sahabat kecil Yesus

Kuiz Alkitab berdasarkan Injil Matius 13:24-30. Ibu bapa digalakkan bermain dengan anak-anak.

Ingatlah selalu akan Yesus (Ibrani 12:3)

Mari Mewarna



Apakah yang berlaku pada lalang yang tumbuh di antara gandum?

- A. Dijual
- B. Dibakar
- C. Dituai

Apakah yang terjadi pada gandum yang tumbuh bersama lalang?

- A. Disimpan
- B. Dibuang

Siapakah yang menabur benih jahat?

- A. Penyewa tanah
- B. Musuh
- C. Pekerja



Hello adik-adik,

Semoga adik-adik dalam keadaan yang sihat dan gembira selalu.

Adik-adik, pernahkah adik-adik berasa malas ke berdoa atau ke Gereja kerana lebih suka bermain game atau telefon pintar?

Tidak salah bermain telefon dan Internet asalkan ia tidak mengganggu pelajaran dan kehidupan doa adik-adik.

Dalam Injil pada hari ini, Yesus memberikan perumpamaan tentang lalang yang tumbuh di antara gandum yang baik.

Injil pada hari ini menyatakan bahawa kuasa jahat mahu mengganggu fikiran dan hati kita agar terpesong daripada Yesus.

Oleh itu adik-adik, jangan lalai dan leka.

Sentiasalah utamakan perintah Tuhan dan tekunlah berdoa serta membaca Firman-Nya agar kita semakin mampu membezakan hal yang baik dan buruk!

Salam sayang
Antie Melly

Mari menulis doa Bapa Kami dan doakanlah doa ini setiap hari.

Cari SEPULUH perbezaan pada gambar di bawah



Bapa kami

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....



BELIA MILENIUM

Konferensi Belia Charis Malaysia 2023

PULAU PINANG: Konferensi Belia CHARIS Malaysia yang pertama telah melabuhkan tirainya pada Julai 2 lalu dengan impak mendalam di kalangan kaum muda untuk menubuhkan komuniti pemimpin belia CHARIS di seluruh Keuskupan agar hidup dalam Roh.

Dengan tema “Kekudusan Peribadi,” acara empat hari yang berlangsung dari Jun 29 hingga Julai 2 di Basilika Kecil Sta Anna, telah menghimpunkan pelbagai kumpulan anak muda yang mencari pertumbuhan rohani dan mengalami perubahan transformasi dalam iman.

Program ini diketuai oleh Paul Julianose dan tim pengajar belia CHARIS. Ia dimulakan dengan perayaan Ekaristi yang dipimpin oleh Msgr Henry Rajoo.

Dalam homilinya, Msgr Henry menekankan kepentingan untuk datang ke konferensi itu dengan perasaan terbuka dan sebagai satu komuniti.

Semasa menyampaikan ucapan semasa akhir Misa, Msgr Henry menekankan frasa “Alangkah gembira berada di sini” yang harus ada pada setiap peserta semasa menjalani sesi-sesi dalam konferensi.

Peserta kemudian dibahagikan kepada dua kumpulan bahasa utama iaitu Bahasa Inggeris dan Mandarin.

Dalam segmen Bahasa Inggeris, Charles Lim mengingatkan para belia bahawa kekudusan bukan semata-mata usaha individu.

Katanya ‘kekudusan peribadi’ dicapai melalui perpaduan dan sokongan komuniti.

Fr Simon Lau yang menyampaikan sesi dalam kumpulan berbahasa Mandarin, menyeru para peserta memahami tujuan dan panggilan mereka dalam kehidupan serta memberikan beberapa panduan unik



Konferensi Belia CHARIS Malaysia kali pertama bermatlamat menubuhkan dan memantapkan persekutuan pemimpin belia Charis di seluruh Keuskupan.

untuk mengejar kekudusan peribadi.

Pada hari kedua, para peserta khusyuk mengikuti sempat sesi yang meneroka pelbagai aspek kekudusan peribadi: Identiti, Dipanggil untuk menjadi Orang Kudus, Pertobatan dan Penyembuhan.

Pada hari ketiga, selepas Misa Kudus, para belia terus aktif dalam tiga sesi katekesis iaitu *Road to Emmaus*, *Conversation in the Spirit*, dan *Baptism of Fire* yang menyedarkan para peserta muda ini untuk memahami misi mereka di dunia.

Kemuncak hari ketiga ini ialah Adorasi kepada Sakramen Mahakudus yang mengukuhkan komitmen para belia untuk

meneruskan karya Kristus di dunia.

Pada hari terakhir, dua sesi bertajuk “Realiti Kita Sekarang” dan “Respon Kita Hari Ini” membawa peserta merenung cabaran yang dihadapi dalam dunia hari ini dan meneroka cara praktikal untuk bertindak balas terhadap cabaran-cabaran tersebut melalui kekudusan peribadi dan penglibatan aktif dalam pelayanan.

Konferensi ini diakhiri dengan Misa Kudus penutup yang dipimpin oleh Uskup Sebastian Francis, yang memberi berkat kepada para belia, mengutus mereka agar membuat perbezaan positif dalam komuniti mereka.



KONTINJEN BELIA KEUSKUPAN KENINGAU SUDAH SEDIA ‘BANGKIT DAN BERGEGAS’ KE WYD LISBON



Gambar kenangan kontinjen Keuskupan Keningau semasa menyertai WYD di Krakow, Poland pada tahun 2016.

KENINGAU: Tujuh orang belia dari Keuskupan Keningau yang diketuai oleh Sdra Roney Eming yang juga Ketua Komisi Belia Keuskupan Keningau, telah menjalani segala proses kerohanian dan fizikal untuk menghadiri Hari Belia Sedunia yang diadakan di Lisbon, Portugal pada Ogos 1-8.

Mereka menjalani “Days In the Diocese” pada Julai 24-31 di Keuskupan Porto, Portugal serta mengalami pengalaman sejati, penginjilan dan misi.

Misa Kudus Pengutusan untuk kontinjen Keuskupan Keningau telah dipimpin oleh Uskup Cornelius Piong pada pagi Julai 17, di Rumah Retret Keuskupan Keningau Tatal. Sebelum itu, mereka juga mengadakan Novena sembilan hari sebelum bertolak ke Lisbon.

“Saya berharap dengan menghadiri WYD akan memberi saya pengalaman dan idea-idea baharu yang boleh diadaptasikan dalam program-program belia paroki mahupun di peringkat Keuskupan,” kata Sdra Roney.

Brendan Arambala, salah seorang kontinjen yang teruja menyertai WYD Lisbon berharap selepas kembali dari perhimpunan besar itu, beliau lebih aktif dalam pelayanan.

Bagi Teresie Ketty, beliau sudah lama ingin mengikuti WYD dan tahun ini. Teresie amat gembira menjadi salah seorang kontinjen Keuskupan Keningau ke WYD.

Teresie berharap WYD Lisbon akan membimbingnya menjadi belia zaman now yang beriman, kreatif, berani dan tabah sebagai pelayan Tuhan. — **Roney Eming**

Religius Mongolia teruja menanti kunjungan Sri Paus

ULAANBAATAR, Mongolia: Seorang religius misionari India yang melayani di Ulaanbaatar, teruja menunggu detik kunjungan apostolik Sri Paus Fransiskus ke Mongolia pada Ogos 31 hingga September 4.

Sr Agnes Gangmei, dari Kongregasi Puteri Maria Penolong Umat Kristian, telah menjadi misionari di Mongolia sejak tahun 2012.

Religius itu merupakan seorang guru di sebuah sekolah di Obit, di pinggir Ulaanbaatar, ibu kota Mongolia, yang dihadiri oleh sekitar 100 orang kanak-kanak.

Sr Agnes yang sedang berada di India untuk menyambung pengajiannya akan kembali ke Mongolia tahun depan, tetapi setelah mendengar kunjungan Sri Paus ke negara Asia Timur yang luas dan sedikit penduduknya itu, dia berkata baha-

wa dia merasa “sangat gembira dan terharu mengetahui tentang kunjungan Bapa Suci Fransiskus.”

Ketika diwawancara dengan *Asiaweek*, Sr Agnes berkata, “Perasaan saya pada ketika ini seumpama St. Elizabeth ketika dia menerima kunjungan Maria: Bagaimana mungkin ibu Tuhanku datang kepadaku?”

Menjelaskan bahawa komuniti Katolik di Mongolia sebagai “sangat muda dan kecil”, Sr Agnes merasa komuniti ini sangat bertuah kerana Sri Paus tetap menghargai, menghormati dan memberkati mereka.

“Kami hanya memiliki sekitar 1,500 umat Katolik yang dibaptis,” seraya menerangkan bahawa kongregasinya merupakan salah satu misi baharu di negara di mana kehadiran Gereja di negara itu hanya

bermula 30 tahun lalu.

“Kami berharap hubungan yang lebih erat antara Vatikan dan Mongolia,” katanya.

Sr Agnes mengatakan bahawa para religius sering berharap dan berdoa untuk hubungan yang lebih erat dengan Takhta Suci dan pada akhirnya, Tuhan mendengar doa kami!

Kehadiran Sri Paus sendiri sudah cukup kuat di tanah Mongolia, dan tidak ada kata yang cukup untuk berterima kasih kepada Sangti Papa.

Sr Agnes percaya kunjungan Sri Paus ke Ulaanbaatar akan memperdalam dan memperkuat iman umat Katolik, kerana akan melihat dia sebagai seorang gembala yang baik, yang peduli pada kawannya.

“Kami juga berharap ini akan



Kardinal Giorgio Marengo, Prefek Apostolik Mongolia merayakan Misa Kudus. Gambar: AFMC

membantu kemajuan dalam masalah visa bagi misionari yang diutus ke sini. Ini merupakan salah satu masalah terbesar di Mongolia,” katanya.

Mengulangi harapannya agar hubungan yang lebih erat dapat terjalin antara Vatikan dan Mon-

golia, agar para misionari dapat menjalankan kerasulan mereka di pelbagai bidang seperti pendidikan, karya amal, kesihatan dan pembangunan sosial, agar kehadiran para misionari ini lebih produktif serta dapat memperkenalkan Kristus kepada semua orang. — *CNA*

Jadual perjalanan Bapa Suci ke Mongolia



VATIKAN: Kunjungan Sri Paus Fransiskus ke Mongolia dari Ogos 31-Sept 4 akan menjadikannya Sri Paus pertama yang mengunjungi Mongolia, tuan rumah bagi sekitar 1,300 penganut Katolik.

Fokus kunjungan Sri Paus ke negara itu ialah pertemuan dengan para pemimpin pemerintah dan masyarakat umum serta pertemuan dengan umat Katolik setempat.

Juga akan ada pertemuan ekumenis, antara agama, Misa Kudus dan perasmian sebuah pusat amal.

Mongolia adalah negara besar di antara daratan Rusia dan China.

Sebagai bekas negara komunis, negara ini mempertahankan hubungan budaya, politik, dan ketenteraan yang erat dengan Rusia dan China merupakan mitra ekonomi terbesarnya.

Oleh itu perjalanan Sri Paus adalah bersesuaian dan strategik bagi Vatikan, yang memiliki hubungan tegang dengan negara tetangga Mongolia, China – terutama disebabkan pelanggaran kesepakatan antara China dan Vatikan dalam pelantikan Uskup serta mencari cara untuk menghentikan perang di Ukraine yang dicerooboh oleh Rusia.

Sri Paus dijadualkan tiba di Ulaanbaatar pada September 1, di Lapangan Terbang Antarabangsa Chinggis di mana beliau akan disambut secara rasmi oleh pegawai

kerajaan.

Pada keesokkan harinya, pada waktu pagi, Bapa Suci akan diraikan dalam majlis sambutan di Dataran Sükhbaatar dan seterusnya berkunjung hormat kepada Presiden Ukhnaagiin Khürelsükh di Istana Negara.

Selepas bertemu dengan presiden, Bapa Suci akan bertemu dengan para pegawai kerajaan, pegawai diplomatik dan perwakilan tempatan di dewan Ikh Mongol, Istana Negara.

Pada sebelah petang, Sri Paus dijadualkan bertemu dengan para uskup, paderi, religius, misionari dan pekerja-pekerja pastoral di Katedral Sto Petrus dan Paulus.

Pada hari ketiga, di sebelah pagi, Bapa Suci akan menghadiri sesi Ekumenikal dan Antara Agama di Teater Hun, Ulaanbaatar.

Pada jam 4.00 petang, Sangti Papa akan memimpin Misa Kudus di *Steppe Arena*.

Pada hari keempat, September 4 iaitu hari terakhir di Mongolia, Sri Paus akan bertemu dengan para pekerja amal dan merasmikan *House of Mercy*.

Majlis perpisahan akan diadakan selepas itu kira-kira jam 11.30 pagi di Lapangan Terbang Antarabangsa Chinggis Khaan, Ulaanbaatar sebelum berlepas ke Roma pada jam 12.00 tengahari. — *ucanews.com*

21 kardinal baharu fokus karya pewartaan kasih Tuhan

ROMA: Sri Paus Fransiskus pada Julai 9 lalu, telah melantik 21 kardinal baharu, termasuk Uskup Sebastian Francis dari Pulau Pinang, Malaysia dan Uskup Stephen Chow Sau-yan dari Hong Kong.

Uskup Sebastian Francis, 71, akan menjadi kardinal Malaysia kedua selepas mendiang Kardinal

Anthony Soter Fernandez, yang meninggal dunia pada Oktober 2020.

Uskup Chow, 63, akan menjadi kardinal Hong Kong keempat selepas mendiang Kardinal John Baptist Wu Cheng-chung, Kardinal Joseph Zen Ze-kiun, 91, dan Kardinal John Tong Hon, 83.



Sangti Papa merangkul seorang kardinal di konsistori baru-baru. Gambar: Media Vatikan.

Kardinal baharu Hong Kong tumpu misi damai dan kaum muda

HONG KONG: Beberapa umat Katolik Hong Kong mengatakan pemilihan Uskup Stephen Chow, SJ, termasuk dalam 21 kardinal baharu menunjukkan “kepedulian tinggi” Bapa Suci terhadap Gereja di Hong Kong dan China.

Sri Paus mengumumkan pengangkatan tersebut setelah Doa Angelus pada hari Minggu, Julai 9 di Vatikan.

Uskup Chow, 64, dan Uskup Sebastian Francis, 71, dari Keuskupan Pulau Pinang, merupakan dua orang uskup Asia yang dilantik untuk konsistori pada September 30.

Cecilia, seorang katekis yang bekerja di sebuah paroki di Hong Kong, mengatakan dia “sangat

terkejut” mendengar tentang berita pelantikan Uskup Chow sebagai kardinal kerana Uskup Chow baharu menjadi uskup kurang dari dua tahun.

Pengangkatan itu menunjukkan “kepedulian tinggi” Vatikan terhadap Gereja lokal dan Gereja di China, katanya kepada *UCA News*.

Uskup Chow mengatakan dia “tidak percaya” semasa menerima khabar akan menjadi kardinal.

Berbicara kepada wartawan di Katedral St. Maria Dikandung Tanpa Noda, prelatus itu mengatakan pelantikan itu akan memberinya misi baru.

“Saya terus berharap akan ada lebih banyak perdamaian dan

Sri Paus Fransiskus mengatakan para kardinal baru dari seluruh dunia akan dilantik ke Dewan Kardinal pada akhir September ini.

Pertemuan para kardinal yang dijadualkan pada September 30 dan dikenali sebagai konsistori, akan menjadi yang kesembilan bagi Sri Paus Fransiskus, 86, yang menjadi Bapa Suci sedekad lalu.

“Saya ingin mengumumkan bahawa September 30 saya akan mengadakan Konsistori untuk pengangkatan para kardinal baharu. Dari mana tempat mereka bersal, ia mengungkapkan kesejagatan Gereja, yang terusewartakan kasih Tuhan yang berbelas kasih kepada semua orang di bumi.”

“Selain itu,” kata Bapa Suci, “penyisipan para Kardinal baharu di Keuskupan Roma, menunjukkan ikatan tak terpisahkan antara Takhta Petrus dan Gereja-gereja lokal yang tersebar di seluruh dunia.” — *media Vatikan*



Bakal Kardinal Stephen Chow, SJ

lebih banyak harapan bagi kaum muda, terutama mereka yang telah dipenjarakan, agar mereka didorong dan disokong untuk memiliki masa depan. Itu sangat penting,” kata bakal Kardinal Stephen Chow. — *ucanews.com*

BERDOA MALAIKAT TUHAN BERSAMA SRI PAUS FRANSISKUS

Meneladani kesungguhan dan kepolosan iman kanak-kanak

VATIKAN: Semasa memberikan renungan sempena Doa Angelus pada Julai 9 lalu, Sri Paus Fransiskus mengajak para penziarah agar mempunyai hati seperti “orang-orang kecil” yang tahu mengalu-alukan Yesus.

Bapa Suci Fransiskus menyampaikan renungan Injil Matius 11:25-30 yang menyeru umat beriman mengucapkan terima kasih kepada Tuhan kerana mendedahkan semua karya-karya-Nya kepada “orang-orang yang kecil”.

Prelatus itu juga menyeru kepada semua orang hadir di Dataran Sto Petrus untuk bertanya kepada diri sendiri sama ada mereka berasa kagum seperti kanak-kanak terhadap karya-karya Tuhan di sekeliling kita, atau adakah kita bersikap acuh tak acuh?

Jelas Sri Paus, sebelum Yesus berdoa, Tuhan mengingatkan semula beberapa karya-Nya contohnya “orang buta dapat melihat kembali, pesakit kusta disembuhkan dan Berita Gembira dikhabarkan kepada orang-orang miskin (Mat 11:5) — ini adalah tanda-tanda bahawa Tuhan sedang bekerja di dunia.

Penyembuhan dan cintakasih Tuhan yang menyelamatkan

Sangti Papa mengatakan, “Oleh itu, pesan Injil Tuhan adalah jelas. Yesus memperlihatkan diri-Nya dengan membebaskan dan menyembuhkan manusia, dengan cinta-Nya yang sangat agung, luar biasa dan adakalanya tidak dapat difahami oleh pemikiran manusia malah menyelamatkan orang yang



Gambar ilustrasi: Kanak-kanak berpakaian religius semasa Hari Doa Panggilan.

membenci mahupun yang menyayangi-Nya.”

Tetapi, kebesaran cinta dan karya Tuhan tidak difahami oleh mereka yang “menganggap diri mereka lebih hebat, angkuh, mencipta tuhan dalam imej mereka sendiri — berkuasa, tidak bertolak ansur, berdendam.”

“Mereka yang angkuh, mementingkan diri, yakin mereka tidak memerlukan sesiapa pun, tidak dapat menerima Tuhan sebagai Bapa,” kata Sri Paus.

Yesus menyebut penduduk tiga bandar kaya pada zaman-Nya — Chorazin, Betsaida, Kapernaum — yang tidak tahu bagaima-

na untuk mengalu-alukan perkara-perkara hebat Tuhan.

Sebaliknya, kanak-kanak kecil lebih tahu bagaimana untuk mengalu-alukan karya Yesus dan Yesus memuji orang-orang yang merendahkan hati, yang miskin dan sakit kerana hati mereka bebas dari cengkaman keangkuhan dan mencintai diri sendiri serta “terbuka kepada Tuhan dan sentiasa kagum serta bersyukur dengan karya-karya-Nya.”

Inilah sikap yang seharusnya tertanam dalam peribadi kita agar ia dapat dikembangkan dalam kehidupan kita “melalui perbuatan-perbuatan baik”. — *media Vatikan*

SEMBANG-SEMBANG TENTANG IMAN

Peluklah datuk nenek kita

Betapa pentingnya kedudukan warga lanjut usia dalam Gereja kita hingga Sri Paus Fransiskus menawarkan indulgensi atau pelepasan dosa penuh bagi mereka yang melawat warga tua pada hari ini, Julai 23, 2023.

Sudah tentu, bagi memperoleh indulgensi penuh ini, ia tertakluk kepada beberapa syarat iaitu harus melakukan Sakramen Pengakuan, menerima Tubuh dan Darah Yesus dan mendoakan intensi Bapa Suci Warga tua merujuk ibu, bapa, datuk atau nenek, bapa saudara atau ibu saudara yang sudah berumur.

Mereka merupakan golongan yang paling berjasa kepada keluarga, masyarakat dan negara.

Orang tua sarana bagi Roh Kudus menyampaikan kebijaksanaan

Datuk, nenek dan warga tua adalah “hadiah untuk seluruh Gereja”, inilah yang ditekankan oleh Sri Paus Fransiskus semasa menubuhkan Hari Datuk, Nenek dan Warga Tua Sedunia pada tahun 2021.

Perayaan ini menekankan penjagaan pastoral orang tua sebagai “Satu keutamaan yang tidak boleh dielakkan oleh komuniti Kristian.”

Dalam Kitab Suci, ramai warga tua yang menjadi teladan iman.

Contohnya, semasa perayaan Pesta Tuhan dipersembahkan di Bait Tuhan, dua orang tua telah menyatakan pengakuan mereka bahawa Kristus adalah Mesias iaitu Simeon dan Anna.

Kisah Simeon dan Anna ini mengingatkan kita bahawa “Roh Kudus masih membangkitkan pemikiran dan kata-kata hikmat pada orang tua hari ini.”

Kisah ini juga mengingatkan kita bahawa usia tua adalah hadiah dan datuk nenek adalah



Warga emas diraikan disebuah paroki di Indonesia.

penghubung antara generasi, mereka adalah penyampai pengalaman hidup dan iman kepada anak muda.”

Hari Datuk, Nenek dan Warga Tua ini mengambil tema, “Rahmat-Nya turun temurun” (Luk 1:50).

Petikan Injil ini mengingatkan kita bahwa rahmat Tuhan diungkapkan oleh orang-orang yang pernah mengalami dan mewariskannya kepada anak cucu mereka.

Semoga peringatan setiap hari minggu keempat pada bulan Julai ini, bukan sekadar merayakan mereka yang kita cintai setahun sekali, tetapi setiap hari, kita harus mampu membahagiakan dan mendorong orang-orang tua untuk merasai bahawa mereka adalah sebahagian dari keluarga Kristian.

Lebih-lebih lagi, mereka adalah tempat rujukan komuniti dan penjaga kenangan.

Maka, warga emas bukanlah peribadi yang pasif dan tidak berguna. — *Aleteia*

PENULIS BERKICAU

Kemurungan bukan tanda lemah iman

Semasa mengambil peperiksaan STPM, fikiran saya sangat terganggu kerana dikejutkan dengan berita bapa saudara saya yang dimasukkan ke hospital jiwa.

Sebenarnya sudah agak lama bapa saudara saya telah menunjukkan tanda-tanda kurang waras tetapi keluarga saya menganggap itu adalah tekanan biasa, menurut mereka, “dia kurang berdoa” atau alasan “dia jadi begitu kerana lemah iman!”.

Akhirnya setelah beberapa tahun, keadaan itu menjadi tidak terkawal dan dia terpaksa dimasukkan ke hospital jiwa.

Saya tidak akan lupa sindiran dan ejekan dari komuniti setempat yang mengatakan bapa saudara saya berpelajaran tinggi tetapi masih terkena penyakit ‘gila’.

Perkara ini sudah berlaku lebih dua puluh tahun lalu. Pandangan atau stigma masyarakat tentang depresi masih tidak berubah. Kebanyakan kita masih menyembunyikan ahli keluarga kita yang sedang mengalami kemurungan atau depresi.

Depresi atau tekanan adalah penyakit mental yang boleh dialami oleh sesiapa sahaja.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menganggarkan kira-kira 3.8 peratus populasi di seluruh dunia mengalami masalah kesihatan itu.

Data menunjukkan lebih 700,000 orang dilaporkan maut kerana membunuh diri pada setiap tahun.

Menurut *Cleveland Clinic*, kemurungan merupakan masalah kesihatan yang memberi kesan negatif kepada perasaan, cara berfikir dan tindakan. Terdapat beberapa jenis gangguan kesihatan mental tersebut.

Antaranya adalah kemurungan klinikal atau *major depressive disorder*. Ini adalah jenis kemurungan yang paling teruk.

“Jika tidak dirawat dan dibiarkan terlalu lama, pesakit boleh mencederakan diri sendiri atau berkeungkinan mencabut nyawa sendiri,” kata sumber itu.

Bagaimana membantu rakan atau ahli keluarga kita yang sedang mengalami depresi?

Bagi saya, pertama-tama, buang sikap negatif. Jangan anggap mereka yang adalah orang yang lemah iman. Depresi boleh berpunca kerana kurang sokongan sosial keluarga terhadap si penderita. Depresi bukan tanda jiwa yang lemah sebaliknya perhatian dari rakan, keluarga dan komuniti yang lemah.”

Kedua, seperti yang dinasihatkan dalam laman sawang *Hello Doktor*, kita dapat membantu mereka dengan mendengar keluh kesah dan menjaga komunikasi agar sentiasa berhubung dengan orang yang sedang mengalami depresi.

Ketiga, *seek help...go see a therapist*. Bapa saudara saya, sebenarnya agak lewat mendapat rawatan tetapi setelah mendapat bantuan pakar kaunseling dan meneruskan beberapa rawatan perubatan hingga kini, dia masih mampu berniaga dan membesarkan lima orang anaknya hingga ke menara gading.

Semoga kita semua dapat mengubah paradigma kita terhadap mereka yang mempunyai kesihatan mental yang lemah. Mereka perlu sokongan kita, bukan penghakiman dan tuduhan lemah iman!

KENYATAAN MISI HERALD

HERALD adalah Minggu Katolik Gereja Malaysia. Ia berusaha untuk menyampaikan berita-berita terkini, nilai-nilai Kristian dan berusaha untuk berdialog dengan semua sektor masyarakat untuk membina komuniti beriman kepada Tuhan yang harmoni. Kami menyokong pembentukan Gereja dan menggalakkan umat awam dan religius untuk membuat keputusan moral di arena luar Gereja.

MEMORIAM

Mengenang 100 hari
Berpulangnya ke
rumah Bapa



Joseph @ Barnard
Gasah

Mac 7, 1956 – April 2, 2023

Sentiasa dikenang
dan dirindui oleh
isteri, anak-anak, cucu,
keluarga dan insan yang
mengenalinya.

Bijak memilih kaedah terbaik pelupusan demi planet kita bersama



Sukarelawan berkunjung ke Kloth Cares di Pelabuhan Klang.

KUALA LUMPUR: Sebagai ungkapan terima kasih kepada Tuhan atas kurniaan planet Bumi kita dan sempena ulang tahun ke-50 Hari Alam Sekitar Sedunia, Pelayanan Keadilan Penciptaan (CJM) Keuskupan Agung Kuala Lumpur menganjurkan beberapa siri aktiviti pada bulan Jun.

Salah satu aktiviti tersebut ialah aktiviti berjalan di kawasan hutan di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan merasai pengalaman 'Canopy Skywalk' di Taman Botani Kepong.

Menyaksikan tumbuh-tumbuhan, semut bukit, cendawan berwarna-warni, teratai air, herba, dan lain-lain, adalah cara yang menyeronokkan dan menarik untuk memikirkan bahawa kita adalah sebahagian daripada alam semula jadi dan bergantung kepadanya.

Selain itu, diadakan juga sesi pembersihan pantai telah diadakan di Tanjung Sepat, Kuala Langat,

pada Jun 10 oleh 90 orang ahli alam sekitar dari pelbagai agama.

Satu lawatan kesedaran ke kilang Kloth Cares, Pelabuhan Klang, telah diatur pada Jun 17, untuk mengetahui bagaimana menguruskan sisa tekstil iaitu dengan mengitar semula pakaian dan sisa fabrik ini tidak boleh dibiarkan atau dibuang di tapak pelupusan.

Kloth Cares mempunyai kira-kira 350 hingga 400 tong kain di negara ini. Oleh itu, orang ramai juga dinasihatkan untuk memperhatikan persekitaran kita agar tidak dicemari dengan sisa tekstil.

Pada Jun 24, sempena Hari Raya Sto Yohanes Pembaptis, perayaan Ekaristi diadakan di Gereja Keluarga Suci, Kajang, yang dipimpin oleh Fr Andrew Manickam OFM Cap, dan Fr Bonaventure Rayapan.

Fr Andrew, semasa homilinya mengatakan bahawa kelahiran Sto

Yohannis Pembaptis adalah luar biasa. Apa yang terjadi pada Zakaria dan semasa pemberian nama, segala-galanya dilakukan mengikut rancangan Tuhan dan Tuhan menepati janji-Nya kepada Sta Elizabeth dan Zakaria.

Semasa persembahan, beberapa umat membawa hadiah daripada alam semula jadi ke altar yang menunjukkan komitmen mereka untuk mengamalkan amalan menghidupkan bumi, sampah sifar dan menguruskan bahan sisa dengan lebih tanggung jawab serta mesra alam.

Hari Alam Sekitar Sedunia, ditubuhkan oleh Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun 1973 dan disambut pada Jun 5.

Pada tahun ini, ia menggunakan tema "Mengalahkan Pencemaran Plastik" yang mengingatkan rakyat Malaysia agar berhati-hati dalam penggunaan bahan plastik.

CBCMSB ucap tahniah wakil Malaysia ke Sinode para Uskup 2023 di Roma

Konferensi para Uskup Katolik Malaysia, Singapura dan Brunei menyapaikan berkat dan ucapan tahniah bagi wakil-wakil dari CBCMSB yang telah dipilih sebagai Voting Members ke Perhimpunan Agung Biasa Sinode Para Uskup ke-16 pada bulan Oktober 2023.

● Voting Members

1) Kardinal William Goh, Uskup Agung Singapura

2) Fr. Clarence Devadass dari Keuskupan Agung Kuala Lumpur

3) Puan Anna Teresa Peter Amandus dari Keuskupan Sandakan

● Pakar dan Fasilitator

1) Dr. Christina Kheng dari Keuskupan Agung Singapura.

Uskup Sebastian Francis yang juga Presiden CBCMSB mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada mereka dalam surat pastoral CBCMSB bertarikh Julai 9, 2023.

Tulisnya, "Mereka telah diamanahkan dengan tanggungjawab besar sebagai suara umat di Sinode para Uskup Roma."

Sinode para Uskup adalah peristiwa penting dalam kehidupan Gereja, di mana uskup-uskup dari seluruh dunia

berkumpul untuk membincangkan perkara-perkara yang sangat penting.

Presiden CBCMSB mengajak semua paderi, religius dan umat agar membantu para wakil ini seara rohani.

"Semoga Roh Kudus membimbing dan memberi inspirasi kepada mereka kerana mereka secara aktif mengambil bahagian dalam perbincangan dan keputusan yang akan membentuk masa depan Gereja kita.

Pada akhir surat itu, Uskup Sebastian berdoa agar suara mereka didengari, dan semoga sumbangan mereka menambahkan pengalaman Gereja dihargai oleh semua.



Katolik Malaysia gembira atas pelantikan Uskup Sebastian sebagai Kardinal

KUALA LUMPUR: Umat Katolik Malaysia, khususnya dari Keuskupan Pulau Pinang dan Konferensi para Uskup Katolik Malaysia, Singapura dan Brunei, mengungkapkan rasa gembira dan syukur mereka atas pelantikan Uskup Pulau Pinang, Rt Rev Dato" Seri Sebastian Francis sebagai kardinal Roman Katolik kedua di Malaysia.

Untuk pertama kalinya, umat Katolik di Malaysia, Singapura dan Brunei akan memiliki dua pemimpin Gereja lokal mereka di Kolese Kardinal setelah Paus Fransiskus memasukkan Uskup Penang, Mgr. Sebastian Francis di antara 21 kardinal baru yang diumumkan pada 9 Julai.

Bersama dengan Kardinal William Goh, Uskup Agung Singapura, bakal Kardinal Sebastian akan mewakili Konferensi para Uskup Katolik Malaysia, Singapura dan Brunei. Kardinal William Goh diangkat menjadi kardinal tahun lalu.

Sri Paus Fransiskus dalam pesannya seperti yang diterbitkan oleh *Vatican News* berkata, "Saya ingin mengumumkan bahawa tempat di mana kardinal ini datang menyatakan kesejagatan Gereja, yang terusewartakan Cinta Tuhan yang Maha Pengasih kepada semua orang di bumi.

Uskup Sebastian Francis adalah uskup kelima Keuskupan Pulau Pinang, yang terdiri daripada negeri Kedah, Perlis, Perak, Kelantan dan Pulau Pinang.

Prelatus itu juga merupakan presiden Konferensi para Uskup Katolik Malaysia, Singapura dan Brunei dan bakal menjadi antara 21 kardinal yang baharu dipilih serta akan dilantik serentak di Vatikan pada September 30, 2023.

Dalam mesej peribadinya, Uskup Sebastian, menyampaikan rasa terima kasih yang tulus dan rendah hati kerana dipilih sebagai kardinal.

Katanya pelantikan itu akan membolehkannya meneruskan misi Gereja dalam mempromosikan keamanan, keharmonian dan cintakan umat manusia.

Saya gembira mengikuti jejak langkah mendiang Kardinal Soter Fernandez (Malaysia) dan Cornelius Sim (Brunei), dan Kardinal William Goh (Singapura), mereka semua adalah dari Konferensi Uskup-uskup Katolik Malaysia, Singapura dan Brunei.

Bersama dengan mereka dan Gereja di Asia, kami memberi kesaksian kepada kesejagatan Gereja Katolik dan kesinambungan Misi Apostolik seperti yang diamanahkan

oleh Kristus yang bangkit kepada Sto Petrus, para Rasul dan pengganti mereka. Semoga Misi yang dipercayakan oleh Roh Kudus ini diteruskan di Malaysia, Asia dan seluruh bumi.

Uskup Sebastian dilahirkan pada November 11, 1951 di Johor Bahru, Malaysia. Pada tahun 1971, beliau telah mendaftar di Seminari Tinggi College General, Pulau Pinang

Pada Julai 28, 1977, beliau ditahbis sebagai paderi di Gereja Immaculate Conception di Diosis Melaka-Johor oleh Uskup James Chan Soon Cheong.

Dari Oktober 1981, Fr Sebastian belajar di *Angelicum Pontifical University of St Thomas Aquinas* di Roma, Itali untuk *licentiate* Teologi Dogmatik, dan lulus pada bulan Jun 1983.

Beliau juga pernah belajar di *Maryknoll School of Theology*, New York, Amerika Syarikat dan memperoleh ijazah lanjutan dalam Keadilan dan Keamanan dari Julai 1990 hingga Jun 1991. Pada 7 Julai 2012, beliau diumumkan sebagai Uskup Pulau Pinang dan merayakan Misa Kudus pengangkatannya sebagai Uskup pada Ogos 20, 2012.

Bakal kardinal ini juga merupakan naib



Bakal Kardinal Sebastian Francis

presiden Majlis Perundangan Malaysia Agama Buddha, Kristian, Hindu, Sikh dan Taoisme (MCCBCHST) dan Persekutuan Kristian Malaysia (CFM) dari 2015 hingga 2017.

Pada awal tahun ini, iaitu pada Januari 1, 2023, beliau dilantik sebagai pengerusi Federasi para Uskup Asia (FABC) untuk Pejabat Komunikasi Sosial.